

**ENAKMEN 12 TAHUN 2002  
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

**BAHAGIAN II - PERKAHWINAN**

**Permulaan Kepada Perkahwinan**

---

**Seksyen 18. Rujukan kepada dan tindakan oleh Hakim Syarie.**

(1) Dalam mana-mana kes yang berikut, iaitu—

(a) jika salah satu pihak kepada perkahwinan yang dicadangkan itu adalah di bawah umur yang dinyatakan dalam seksyen 8;

(b) jika pihak perempuan ialah seorang janda yang baginya terpakai subseksyen 14(3); atau

(c) jika pihak perempuan tidak mempunyai wali dari *nasab*, mengikut Hukum Syarak, maka Pendaftar hendaklah, sebagai ganti bertindak di bawah seksyen 17, merujuk permohonan itu kepada Hakim Syarie yang mempunyai bidang kuasa di tempat perempuan itu bermastautin.

(2) Hakim Syarie, apabila berpuas hati tentang kebenaran perkara-perkara yang disebut dalam permohonan itu dan tentang sahnyanya perkahwinan yang dicadangkan itu dan bahawa kes itu ialah kes yang mewajarkan pemberian kebenaran bagi maksud seksyen 8, atau kebenaran bagi maksud subseksyen 14(3), atau persetujuannya terhadap perkahwinan itu diakadnikahkan oleh wali Raja bagi maksud perenggan 13(b), mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, pada bila-bila masa selepas permohonan itu dirujukkan kepadanya dan apabila dibayar fi yang ditetapkan, mengeluarkan kepada pemohon kebenarannya untuk berkahwin dalam borang yang ditetapkan.

---